


BIL 17, APRIL 2009

TINTA

GENERASI GLOKAL MENGHADAPI DUNIA TANPA SEMPADAN



ISSN 0127-5700



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Penerbit:
Fakulti Pengurusan Maklumat,
Universiti Teknologi MARA

Penaung:
Prof. Madya Dr. Adnan
Jamaludin

Pengerusi JK Penerbitan:
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah
Yaacob

Pensyarah Penasihat:
Dr. Wan Ab. Kadir Wan Dollah
En. Azmi Abdul Rahman

Pengurus Penerbitan:
Azlan Shah Hailani

Ketua Editor:
Mohammad Nasnie Nor Rodin

Penolong Ketua Editor 1:
Siti Zubaidah Abdul Rahman

Penolong Ketua Editor 2:
Mohd Awis Abu Bakar

Editor:
Nor Azlin Maarof,
Niken Setya Pertiwi,
Aina Zaireynna Zainuddin,
Nurul Ain Md Nor,
Nor Alif Saharudin,
Farhah Waheda Mohd Khalil,
Sazrina Salikin,
Nuruljannah Zaib,
Shazaila Shaharudin,
Siti Nuraidah Abdul Rahim,
Syuhadah Shukor,
Noor Khaiza Mohammed,
Noradiana Sairin,
Lydia Linang Buntoi,
Siti Naimah Mohd,
Afiqah Ariffin,
Rizal Jappar,
Malissa Mahmud

Setiausaha:
Wan Azlida Salwa Wan Ali

Penolong Setiausaha 1:
Siti Norazhani Ramli

Penolong Setiausaha 2:
Nina Natasha Sajili

Dari Editor

Komunikasi di antara manusia di seluruh dunia telah berkembang dengan pesat dari semasa ke semasa dengan penghasilan teknologi baru hasil daripada kajian berabad lamanya. Kini, teknologi tersebut telah dilabelkan sebagai teknologi tradisional atau antik oleh sesetengah pihak setelah ianya mengalami perubahan demi perubahan yang sangat ketara.

Dulu, perhubungan antara manusia disebarluaskan melalui manusia itu sendiri atau melalui lukisan dibangun dari semasa ke semasa dan telah didominasi oleh pelopor-pelopor dari Negara Barat yang telah berkurun lamanya memikirkan tentang masalah-masalah komunikasi ini, bermula di kawasan Tigris dan Eufrates lebih dari 3,000 tahun Sebelum Masihi dengan penghasilan bongkah-bongkah tanah liat ke papyrus sehingga ke kaedah teknik pencetakan tekanan oleh Johann Guttenberg.

Sehingga kurun ke 20 di mana sebuah agensi milik Jabatan Pertahanan Kerajaan Amerika Syarikat telah mencipta peralatan teknologi komunikasi era moden yang telah menghubung dunia yang dikenali sebagai Internet. Hasil kajian ini adalah penting terutama sekali untuk pertukaran data dan maklumat, diadaptasi daripada penciptaan litar telefon.

Begitu juga di Malaysia, setelah berlakunya ledakan maklumat dan penyebaran maklumat tanpa sekat, pihak berkuasa telah mengambil tindakan dengan mengawal, merancang dan mengadakan pelbagai aktiviti khusus kepada rakyat Malaysia bagi mengambil kesempatan penyebaran maklumat yang memberi kepentingan penduduk di negara ini.

Walaubagaimanapun, pihak berkuasa melalui agensi-agensinya telah mengambil inisiatif menapis maklumat-maklumat tersebut yang berbentuk negatif, berbaur perkauman dan yang boleh mengikis kebudayaan rakyat di negara ini. Generasi muda disarankan mengambil peluang dan aktiviti yang ditawarkan seperti membuat laman sesawang untuk memasarkan apa jua produk keluaran mereka termasuk perkhidmatan yang ditawarkan.

Diharapkan dengan terbitnya majalah ini akan memberi maklumat yang berguna kepada sesiapa sahaja yang terlibat atau mahu tahu bagaimana mereka boleh berkembang dengan hanya menjadikan rumah sebagai pejabat mereka dan "Generasi Glocal Menghadapi Dunia Tanpa Sempadan" menggalakkan perkembangan tenaga manusia bersifat kelas dunia (global) dari segi pemikiran tetapi berasal dari rantau ini tanpa meninggalkan walau sedikit pun ciri-ciri sebagai rakyat Malaysia.

Akhir kata, Sidang Editor ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan ini. Selamat Membaca.

MAKLUMAN

TINTA adalah sebuah terbitan tahunan oleh para pelajar program Bachelor of Science in Information Studies (Hons) @ IS 220 yang mengambil kursus *Publications and Production of Information Materials* (IML 601). Skop rencana meliputi pelbagai isu dalam bidang pengurusan maklumat.

Rekacipta Grafik:

Syed Mohd. Huszainor & Zaki Julaihi

Pemasaran:

Rajak Telimik, Zuraidah Asha'ari, Suhailah Mad Arof &
Maulidiah Abdul Rahman

Alamat Penerbit:

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
(Tel. 03-79622013/2020) (Fax. 03-79622007)
<http://www.fpm.uitm.edu.my>

ISI KANDUNGAN

BIL.17 APRIL 2009 ISSN : 0127-5700

NO	PENGARANG	TAJUK	MUKA SURAT
1	ADNAN JAMALUDIN & RAJA ABDULLAH YAACOB	FACULTY OF INFORMATION MANAGEMENT, UITM: PAST, PRESENT AND FUTURE	1-25
2	AZMAN IBRAHIM	DUNIA TANPA SEMPADAN: CABARAN TERHADAP PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERDAYA SAING	26-29
3	MOHD RIDWAN BIN SEMAN @ KAMARULZAMAN & MOHD ROZI REMELI @ RAMELI	CABARAN-CABARAN TENTANG DATA BERSEPADU (DATA INTEGRATION)	30-36
4	WAN AB. KADIR WAN DOLLAH & MOHD ZAIHAN HUSSIN	REDEFINING THE ROLES OF THE UNIVERSITY LIBRARIANS	37-41
5	DANG MERDUWATI HASHIM	ETHICS IN RESEARCH	42-45
6	RAJA ABDULLAH YAACOB	PEMBUDAYAAN ILMU DALAM KERJA SEHARIAN	46-59
7	FUZIAH HAJI MOHD NADZAR	MENGETAHUI GAYA PEMBELAJARAN ANDA UNTUK PEMBELAJARAN BERKESAN	60-64
8	SOBARIAH AWANG MUKHTAR	PERANAN PIHAK PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH KE ARAH PEMBESTARIAN PENDIDIKAN	65-74
9	RAJA ABDULLAH YAACOB	RECORDS MANAGEMENT AND ISO 9001	75-84
10	ABD RAHIM ABD RAHMAN	MINAT MEMBACA DAN AYAT-AYAT CINTA	85-88
11	RAJA ABDULLAH YAACOB	REMINESCENCE OF RADHA NADARAJAH: THE FIRST HEAD, SCHOOL OF LIBRARY SCIENCE, UITM	89-90

DUNIA TANPA SEMPADAN: CABARAN TERHADAP PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERDAYA SAING

oleh Encik Azman Ibrahim

Abstract: *The term globalisation has been used to describe the high mobility in capital, product and services from the one nation to other parts of the world. In order to face the challenges of globalisation, the Malaysian government has taken up measures to equip the local human capital with the essential knowledge. Local Human Capital is the new superbrand of locally breed human capital that would lead the nation into globalisation and liberalisation. Education, training and reengineering have been identified as the core of breeding the glocal human capital.*

Keywords: *Globalization, Human Capital, Social Mobility, and Knowledge Worker.*

PENGENALAN

Globalisasi, liberalisasi dan dunia tanpa sempadan adalah satu keadaan yang di gambarkan sebagai seluruh dunia merupakan satu entiti. Frasa ini diketengahkan oleh pihak negara kaya dari barat lantaran daripada perkembangan dan kemajuan teknologi.

Pembangunan teknologi telah memungkinkan perjalanan yang lebih pantas di antara bandar dan negara. Limpahan modal, produk dan perkhidmatan dilihat lebih menguasai agenda globalisasi ini tanpa membawa bersama kebebasan bergerak bagi manusia itu sendiri. Pergerakan ini dilihat lebih mirip kepada pergerakan sehala dari negara maju ke negara membangun dan dunia ketiga. Negara kita juga pernah mengalami keadaan di mana jawatan-jawatan penting di dalam syarikat besar diisi oleh "expatriate". Sebagai langkah menghadapi cabaran globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memajukan sumber tenaga tempatan melalui pelan jangka panjang yang melibatkan pendidikan dari peringkat awal hingga ke peringkat universiti. Langkah kerajaan adalah untuk

memajukan sumber tenaga tempatan sebagai Modal Insan berkualiti yang mampu menghadapi cabaran globalisasi.

Semasa pembentangan anggaran belanjawan tahun 2009 di parlimen tempohari, mantan Perdana Menteri Y.A.B. Tun Abdullah Ahmad Badawi telah mengunjurkan satu peruntukan perbelanjaan yang agak besar bagi merangsang aktiviti ke arah melahirkan Modal Insan berkualiti. Sebanyak RM47.7 billion telah dikenalpasti bagi diagihkan kebeberapa sektor pembangunan gunatenaga melalui bidang pendidikan dan latihan. (Abdullah, 2008). Pembangunan gunatenaga ini termasuklah melatih gunatenaga baru dari kalangan lepasan sekolah dan pusat pengajian tinggi, dan juga melatih semula gunatenaga sedia ada dengan kaedah dan teknologi baru sesuai dengan keperluan tempatan dan sektor antarabangsa. Proses melatih semula atau 'reengineering' adalah perlu terutamanya bagi pekerja separa mahir sektor berdasarkan teknologi.

Manakala Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, pula

telah memberi satu ungkapan baru iaitu warganegara glokal, bagi menggambarkan satu keadaan di mana sumber tenaga kerja tempatan, yang dikembangkan potensinya di dalam negara, berjiwa tempatan tetapi berfikiran global. Ini melambangkan satu “*new superbrand*” bagi tenaga kerja kita. Sumber tenaga glokal ini disarankan berupaya menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi dengan bijak mengikut acuan tempatan, dan tidak terikut-ikut dengan matlamat dan rentak barat yang berorientasi keuntungan semata-mata.

Asas kepada pembentukan sumber tenaga glokal ini ialah berpusat pada kualiti sistem pendidikan negara kita. Oleh sebab itu kerajaan telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 pada 16 Januari 2007 di Putrajaya. (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006). Apa yang mahu dilahirkan dari PIPP ini ialah modal insan kelas pertama, melalui satu sistem pendidikan bertaraf dunia. PIPP ini disandarkan kepada empat teras utama iaitu :

- akses kepada pendidikan
- ekuiti dalam pendidikan
- kualiti dalam pendidikan, dan
- kecekapan dan keberkesanannya pengurusan pendidikan.

MODAL INSAN KELAS PERTAMA

Kerajaan telah merangka satu pelan kerja bagi membina dan melahirkan Modal Insan acuan negara kita sendiri yang mempunyai ciri-ciri istimewa, antaranya:

- berdaya saing
- berilmu
- berdisiplin
- berdaya tahan tinggi

- kreatif
- sihat
- adil
- bersikap progresif
- berilmu
- berintegrasi
- dinamik
- bersemangat patriotik dan nasionalisma
- tidak bersifat individualistik
- berinovasi
- cekal
- bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia
- memiliki nilai murni dan moral yang tinggi
- berkeyakinan

Modal Insan yang disasarkan itu mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tinggi dan sedia memasuki pelbagai pasaran pekerjaan tempatan atau pun’ antarabangsa. Seseorang pekerja mesti mempunyai satu sikap mahu memberi nilai tambah kepada setiap unit produktiviti penghasilannya, samada ia memberi perkhidmatan atau bekerja menghasilkan sesuatu barang. Untuk menghasilkan nilai tambah, semestinya pekerja itu menambah nilai diri kemajuan diri, melalui penambahan ilmu. Pekerja yang tidak berusaha ke arah menghasilkan nilai tambah akan menyebabkan diri mereka menjadi jumud. Pekerja yang jumud mungkin diketepikan dimana amalan baru dalam melakukan kerja dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Kajian terhadap syarikat multinasional di India mendapat keupayaan dan kemahiran pekerja-pekerja mereka menjadi penentu yang signifikan terhadap keupayaan dayasaing. Kajian-kajian terhadap syarikat yang berorientasikan sumber pula telah memperlihatkan bagaimana mereka menguruskan sumber yang strategik ini. Sumber tenaga manusia yang luarbiasa, berharga, jarang didapati, tidak boleh di tukarganti seperti Modal Insan Kelas

Pertama ini menjadi sumber kekuatan bagi menghadapi dan mengekalkan daya saing.

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

Membangunkan sumber guna tenaga tempatan supaya menjadi Modal Insan seperti yang diinginkan itu bukanlah suatu usaha yang mudah. Langkah jangka panjang, peruntukan pembangunan yang besar, usaha yang berterusan dan kerjasama dari pelbagai agensi kerajaan dan juga sokongan dari pihak swasta terutamanya industri adalah amat diperlukan. Kerajaan telah menyediakan pelbagai program, namun pengisianya boleh dibantu oleh pihak industri dengan mengenalpasti bidang keperluan, kemahiran khusus pekerja industri. Maklumbalas dari industri diperlukan oleh penggubal dasar dan juga penggubal kurikulum terutamanya dipusat pengajian tinggi dan juga pusat latihan teknikal.

Berdasarkan agihan belanjawan 2009, sebanyak RM31 billion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran bagi memberi manfaat kepada 5.8 juta pelajar di seluruh negara. Manakala di peringkat pengajian tinggi pula sebanyak RM14.1 billion telah diperuntukkan (Abdullah, 2008). Langkah ini jelas bertujuan menyediakan kemudahan pembangunan dan pengurusan di kedua-dua peringkat pengajian dalam negara.

Status negara maju yang ingin kita capai bukan hanya tertumpu kepada kemajuan fizikal tetapi juga kerohanian. Bagi mewujudkan ‘sumber insan berkualiti bersepada’ haruslah dibentuk pembangunan insan itu sendiri dan juga menghapuskan segala gejala negatif. Gejala negatif sekiranya gagal dibendung atau dihapuskan akan

menjadi sumber wabak yang akhirnya merendahkan kualiti sumber insan itu sendiri.

Pembangunan insan adalah suatu rangka persiapan yang memerlukan perancangan dan perlaksanaan yang rapi bagi menjamin kekuatan dan keupayaan bangsa pada masa depan. Di samping itu pencapaian ilmu dan kemahiran yang tinggi membolehkan rakyat kita bersaing dengan tenaga asing di dalam atau di luar negara. Dengan itu sumber tenaga yang mempunyai kekuatan fizikal dan mental yang positif perlu dibina secara menyeluruh supaya dapat menyumbang terhadap kemakmuran negara dan keupayaan menghadapi cabaran globalisasi atau liberalisasi yang mendatang.

Kerajaan, melalui berbagai program yang berterusan telah memaparkan lagi strategi pembangunan insan dan pengurangan gejala negatif. Antara program tersebut yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pelajaran.

Golongan muda generasi millennium merupakan golongan muda pelapis kepimpinan negara perlu melengkapkan diri dengan kesepaduan ilmu pengetahuan seperti ilmu agama, sains, ekonomi, teknologi, sejarah, kebudayaan, dan juga kesenian yang disesuaikan dengan matlamat negara sendiri. Status negara maju yang diidamkan itu hanya akan tercipta apabila rakyat Malaysia khususnya golongan muda ini mempunyai maruah yang tinggi dan kecemerlangan yang universal. Golongan muda yang menjadi pelapis kini sedang melalui cabaran yang semakin kompleks bagi membina kesejahteraan hidup yang berlandaskan ilmu-ilmu berdaya saing seperti teknologi maklumat dan ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Jadual 1: Program Pembangunan Modal Insan Anjuran Kerajaan

Bil.	Kementerian	Program
1.	Kementerian Belia dan Sukan	Agenda Perdana Memperkasa Pembangunan Belia
		Program TERAS: <ul style="list-style-type: none"> • Program Pimpinan Perdana • Program Pembangunan Kemahiran • Program Pembangunan Usahawan • Program Pembinaan Sahsiah • Program Rakan Muda
		Program Khidmat Sosial Negara
		Pelan Bertindak Majlis Belia Malaysia
2.	Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Integrasi Nasional • Pembangunan Komuniti dan Sosial • Tunas Bakti • Pusat Pemulihan Akhlak Remaja
3.	Kementerian Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Sumber Manusia
4.	Kementerian Pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Falsafah Pendidikan Negara • Pendidikan Islam (khusus untuk pelajar Islam) • Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah • Perkhidmatan Kaunseling Sekolah

Sumber: Nazaruddin Mohd Jali et. al. (2001)

PENDIDIKAN ASAS KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pendidikan adalah satu keutamaan dalam aspek perbelanjaan di negara kita. Secara purata setiap tahun sebanyak 25% daripada anggaran belanjawan diperuntukkan kepada pendidikan. Pendidikan meningkatkan pengetahuan seseorang, ianya amat penting dalam pembinaan sahsiah diri, malah menuntut ilmu itu adalah satu jihad.

Semasa era penjajahan British di Tanah Melayu, pendidikan sangat kurang diberi perhatian oleh masyarakat tempatan masa itu, iaitu orang-

orang Melayu. Orang Melayu sangat selesa dengan kegiatan ekonomi yang sekadar cukup sara diri. Walaupun terdapat pembesar Melayu mengusahakan lombong timah, namun ianya dijalankan dalam skala kecil. Lebih ramai penduduk tempatan menjadi pesawah dan petani. Apabila British mahu mengusahakan lombong timah secara komersial, maka mereka telah membawa masuk pekerja-pekerja dari Cina yang berkemahiran dalam bidang ini. Begitu juga British telah membawa masuk orang-orang India untuk mengusahakan ladang getah secara komersil. Pekerja-pekerja asing ini dibawa masuk kerana mereka berkemahiran dalam bidang tersebut, lalu mempunyai mobiliti

sosial yang tinggi. Kehadiran mereka ini juga telah mengubah daya saing penduduk tempatan, membentuk struktur sosial dan politik yang berasaskan ekonomi.

Kemampuan mobiliti sosial seseorang pekerja itu didorong oleh tahap pendidikannya. Walaupun adakalanya mobiliti sosial ini mendaratkan masalah, namun sekiranya tiada ilmu pendidikan, masalah yang berbangkit mungkin lebih besar. Masyarakat yang berpendidikan adalah masyarakat yang mampu menghadirkan pelbagai peluang kepada semua orang. Apa yang berlaku hari ini ialah terdapat segolongan ahli masyarakat, terutamanya golongan muda yang tidak berpendidikan, menghadapi masa hadapan yang tidak menentu. Mereka ini telah menyalahkan orang lain sebagai tidak berlaku adil kepada mereka atas kedaifan hidup mereka sendiri.

Satu pelan pendidikan yang baik membolehkan semua ahli masyarakat mengenalpasti bidang yang sesuai untuk diri masing-masing. Oleh itu pendidikan di tahap tinggi, umpamanya di universiti tidak menyampaikan semua ilmu kemahiran kepada semua orang. Terdapat jurusan-jurusan tertentu di mana seseorang pelajar itu boleh memahirkan diri mereka, sesuai dengan keperluan bidang kerjaya yang ingin diceburi. Namun begitu kita sedar bahawa ilmu pengetahuan universal seperti teknologi maklumat, kemahiran komunikasi berupaya mengangkat sumber tenaga tempatan setaraf dengan mereka yang berpendidikan luar negara. Satu kajian terhadap 44 kompetensi komunikasi yang dijalankan terhadap 200 buah syarikat besar di Dallas, Amerika mendapati integriti dan kerahsiaan dalam komunikasi merupakan kompetensi yang perlu ada pada graduan baru untuk diterima bekerja. (English, 2007). Ini selaras dengan ciri integriti yang terkandung dalam model Modal Insan Kelas Pertama.

Pendidikan juga akan melengkapkan modal insan ini menjadi pekerja berpengetahuan (knowledge worker). Golongan pekerja berpengetahuan ini adalah mereka yang lebih banyak menggunakan ilmu pengetahuan dalam melaksanakan tugas mereka berbanding menggunakan tenaga fizikal. Mereka ini intensif maklumat dan pengetahuan, diambil bekerja khusus dalam bidang pengetahuan masing-masing, dan bukan sekadar berpengetahuan am. Pekerja berpengetahuan ini dijangka menjadi aset penting bagi sektor awam dan juga swasta. Persepsi negatif terhadap prestasi khidmat jabatan kerajaan terhadap orang ramai boleh dipertingkatkan dengan pengisian sumber manusia baru dari kalangan pekerja berpengetahuan.

PENUTUP

Apabila kerajaan melahirkan hasrat untuk mengubah tenaga kerja tempatan kepada Modal Insan Kelas Pertama, ianya dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Jika dilihat di peringkat universiti tempatan, pelbagai kemahiran ‘soft skill’ disampaikan kepada semua pelajar sebagai pelengkap kepada pengetahuan khusus mereka. Mana-mana graduan berkebolehan dalam aras aplikasi komputer, berupaya berkomunikasi dalam tiga bahasa, mempunyai aras keusahawanan. Kepelbagaiannya kemahiran ini dilihat sebagai memberi nilai tambah kepada graduan, membolehkan ia berfungsi di mana sahaja ia diperlukan khidmatnya, di dalam atau luar negara. Walau apa pun istilah digunakan, dengan pelbagai program yang dilaksanakan, matlamat untuk menghasilkan gunatenaga glokal ini mampu dicapai. Dalam situasi ekonomi global di mana syarikat atau individu boleh berurus di mana dan dari mana sahaja, maka sumber manusia glokal ini berupaya membawa negara menghadapi cabaran masa hadapan.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Ahmad Badawi (2008). Pembentangan Belanjawan Tahun 2009. Available at <http://www.bharian.com.my/klikkhas/bajet> Accessed 29th August 2008.
- Aradhana, Khandekar & Anuradha Sharma (2005). Managing Human Resource Capabilities for Sustainable Competitive Advantage: An Empirical Analysis From Indian Global Organizations. *Education and Training*, 47 (8/9): 628-639.
- Collin, Abraham (2004). *The Naked Social Order: The Roots of Racial Polarisation in Malaysia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- English, Donald E., Manton, Edgar J. & Walker, Janet (2007). Human Resource Managers' Perception of Selected Communication Competencies. *Education*, 127 (3): 410-418.
- Gregory, Basham, Irwin, William, Nardone, Henry & James M. Wallace (2005). *Critical Thinking*. 2nd ed. New York: McGraw Hill
- Mahathir Mohamad (2002). *Globalisation and the New Realities*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Mahathir Mohamad (2004). *Achieving True Globalisation: Interview and Composition by Kohei Hashimoto*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Michael, T. Snarr & D. Neil Snarr (2005). *Introducing Global Issue*. 3rd ed. Colorado: Lynne Rienner Publishers.
- Nazaruddin Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah & Ismail Mohd Rashid (2001). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan* 2nd ed. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Ordonez de Pablos, Patricia (2004). The Nurture of Knowledge-based Resources Through the Design of An Architecture of Human Resources management Systems: Implications for Strategic Management. *International Journal of Technology Management*. 27 (6/7): 533-543.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). (2006). Kementerian Pendidikan Malaysia. Available at <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=pipp&unit=kementerian&bhs=my>. Accessed 29th January 2006.
- Pelan Integriti Nasional (PIN) (2004). Institut Integriti Malaysia. Available at http://www.iim.com.my/v2/st_publication/index.php?action=view&a_id=7. Accessed 26th July 2004.
- Wujudkan nilai tambah dalam pembangunan modal insan-PM. (2007). Available at <http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news.php?id=282913>. Accessed 4th September 2007.

Biodata

Encik Azman Ibrahim memiliki M.Sc. Info. Mgmt. (UiTM) dan BBA in Marketing (UiTM) merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM. Beliau mengajar dalam bidang pengurusan sistem maklumat sejak tahun 2001.